

Maklumat tanah rizab Melayu kini lengkap

SHAH ALAM - Satu pasukan khas bagi memantau tanah rizab ditubuhkan untuk meneruskan usaha menjaga tanah berkenaan dengan baik.

Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim berkata, sebelum 2008, kerajaan negeri tidak tahu lokasi dan keluasan sebenar tanah rizab tetapi kini maklumat lengkap sudah diperolehi.

"Kerajaan Negeri Selangor sejak 2008 memantau secara lebih dekat tanah rizab Melayu bukan sahaja melibatkan keluasan tanah malah juga lokasi, jenis kegunaan tanah dan nilai tanah itu mengikut harga pasaran semasa," katanya dalam satu kenyataan akhbar, semalam.

Abdul Khalid selepas menjadi menteri besar pada Mac 2008 telah menetapkan polisi bahawa setiap tanah rizab Melayu yang diambil untuk dibangunkan perlu diganti semula mengikut keluasan dan nilai tanah tersebut dengan mengikut kadar semasa.

"Pejabat Tanah dan Galian Negeri Selangor juga telah



“ Kerajaan Negeri Selangor sejak 2008 memantau secara lebih dekat tanah rizab Melayu bukan sahaja melibatkan keluasan tanah malah juga lokasi, jenis kegunaan tanah dan nilai tanah itu mengikut harga pasaran semasa.”

- Abdul Khalid

menjalankan audit terhadap tanah-tanah rizab Melayu mengikut daerah bagi mengenal pasti keluasan sebenar kerana ada tanah-tanah yang tidak diketahui statusnya.

"Mengikut statistik terbaharu yang dikeluarkan Pejabat Tanah dan Galian Negeri Selangor, jumlah keseluruhan keluasan tanah rizab Melayu di negeri ini adalah 170,533 hektar.

"Mengikut daerah, Sabak Bernam mempunyai 13 tanah rizab Melayu; Kuala Selangor (66); Klang (14); Gombak (19); Petaling (7); Hulu Langat (15); Kuala Langat (14); Sepang

(16) dan Hulu Selangor (29)," katanya.

Katanya, peningkatan keluasan ini membuktikan Kerajaan Negeri Selangor sejak 2008 telah mengambil langkah-langkah pro-aktif untuk menambah keluasan tanah rizab Melayu dengan mewajibkan penggantian semula bagi tanah rizab Melayu yang diambil untuk pembangunan mengikut keluasan dan harga semasa.

HEBAHKAN
AKTIVITI KOMUNITI ANDA @
emel: najwa@
sinharharian.com.my